

**Headline** Universiti Kent pilihan pelajar asing  
**Date** 18. Aug 2008  
**Media Title** Berita Harian  
**Section** Supplement  
**Circulation** 217920  
**Readership** 2083000  
**Language** MALAY  
**Page No** 12  
**Article Size** 287 cm2  
**Frequency** Daily  
**Color** Full Color  
**AdValue** 5082.82



# Universiti Kent pilihan pelajar asing

Penuntut Malaysia turut manfaat program kecemerlangan, nikmati pengajaran kelas pertama

Oleh Habsah Dinin  
 ecah@berharian.com.my

“UNIVERSITI Kent unik. Biarpun pelajarannya warga Eropah dan dari negara lain, suasana di sini masih aman, tenteram dan selesa untuk belajar,” kata Mohd Fadhil Masron, seorang pelajar Malaysia yang menjadi kebanggaan negara kerana dapat menempatkan diri di Universiti Kent, antara universiti di United Kingdom yang menjadi pilihan pelajar antarabangsa.

Selain Mohd Fadhil, seorang lagi pelajar Malaysia, Kasdi Kamin berkata, apa yang membanggakan beliau

ialah suasana belajar di universiti ini yang tenteram kerana semua pelajar bergaul mesra sesama sendiri.

“Dengan cuma 90 minit dari London yang menjadi pintu masuk utama ke Eropah, ini membolehkan orang seperti saya dapat belajar dan mengembara melihat pelbagai budaya lain. Ini menjadi Kent tempat yang paling sesuai bagi saya,” katanya.

Daripada Universiti Kent, pelajar boleh menaiki kereta api selama dua jam untuk sampai ke Brussels atau Paris, melawat Parlimen Eropah atau Menara Eiffel mengikut masa yang terluang.

Mohd Fadhil dan Kasdi adalah sebahagian daripada



GEMBIRA: Kasdi antara pelajar di Universiti Kent.

17,000 pelajar yang diwakili 20 peratus pelajar antarabangsa dari 140 negara. The Sunday Times University Guide menyatakan Universiti Kent adalah satu-satunya universiti antarabangsa di Britain.

Di sini pelajar boleh memilih pelbagai jenis penginapan daripada berkongsi rumah yang lengkap dengan kemudahan katering hingga bilik belajar yang ada kemudahan capaian internet. Ada juga disediakan penempatan di luar bandar berhampiran Canterbury yang menarik.

Mohd Fadhil dan Kasdi dari jabatan Biosains yang menumpukan penyelidikan kepada Pembangunan dan Biologi Sel, Jangkitan Penyakit,

Biologi Barah, Persekitaran Mikrobiologi, Sains Protin dan Bioteknologi.

Jabatan Biosains kini mengadakan hubungan baik dengan Universiti Teknologi Malaysia dan Universiti Putra Malaysia.

Tujuan jabatan itu menggalakkan kecemerlangan penyelidikan selain bekerjasama dengan universiti dan industri bagi menyediakan pengajaran berkelas pertama kepada pelajar kursus ijazah dan sarjana di seluruh dunia.

Bagi maklumat lanjut mengenai pendidikan di UK, sila layari [www.educationuk.org.my](http://www.educationuk.org.my) atau e-mel [kualalumpur.education@britishcouncil.org.my](mailto:kualalumpur.education@britishcouncil.org.my).